

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

-----  
Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.6 (27)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGGAL 2018-2020)  
BILANGAN 7 TAHUN 2019**

**Tarikh** : 26 Julai 2019 (Rabu)  
**Masa** : 10.30 Pagi – 10.52 Pagi  
**Tempat** : Dewan Bunga Tanjung,  
**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.**

**Hadir** : Seperti dilampiran kehadiran.

---

**1. DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**2. TAYANGAN VIDEO**

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 12 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Jun dan Julai 2019.

**3. PERUTUSAN Pengerusi**

3.1 YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran ahli mesyuarat. Tidak lupa ucapan syabas dan tahniah kepada Ahli-Ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan seluruh kakitangan MBPJ diatas kejayaan MBPJ merangkul johan keseluruhan di dalam SUKANUN baru-baru ini. Tahniah kepada Pengarah Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan yang merancang sehingga tercapainya kejayaan ini dan seterusnya mengalahkan 63 jabatan/agensi yang

menyertai SUKANUN kali ini serta Ketua Jabatan/Ahli Majlis yang menjadi bapa/ibu angkat sukan. Beliau berharap agar Majlis dapat mencipta kejayaan di dalam apa juga bidang yang diceburi.

### 3.2 **MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA RAIH SISTEM PENARAFAN 5 BINTANG**

Selangor muncul satu-satunya negeri yang mendapat lima bintang bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah pentadbirannya bagi penilaian Sistem Penarafan Bintang (SPB-PBT) tahun lalu.

Di antara kelima-lima PBT tersebut, Majlis Bandaraya Petaling Jaya muncul PBT yang mendapat penarafan lima bintang dengan nilai markah tertinggi sebanyak 97.6%.

Menurut Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor, Sistem Penarafan Bintang di semua PBT adalah sebagai pendorong untuk meneruskan dan mengekalkan pencapaian yang baik dalam memberi khidmat kepada rakyat, pelanggan dan pemegang taruh secara keseluruhannya.

Jumlah keseluruhan pemarkahan ini berdasarkan kepada penemuan amalan baik, hubungan kerja, lawatan penanda arasan, pembentangan kertas kerja dan inovasi yang dicipta adalah antara kriteria yang melayakkan Majlis Bandaraya Petaling Jaya mendapat nilai markah tertinggi dalam pemilihan Sistem Penarafan Bintang (SPB). Kriteria-kriteria yang menyumbang kepada kemenangan tersebut adalah:

#### a) **Kriteria pengurusan**

Perancangan penjagaan keselamatan ditambah baik dalam OSHE, kad perubatan pesara MBPJ dan perkongsian ilmu dalam program "Friendship City".

#### b) **Kriteria Perkhidmatan Teras**

Kawalan pemajuan 100% lesen baru dikeluarkan, pelaksanaan pelan induk landskap pada tahun 2009-2019, pelaksanaan projek dalam Sistem Pemantauan Projek Online (SPPRO).

c) **Kriteria Pengurusan Pelanggan**

Kemudahan sebarang aduan dan permasalahan yang boleh disalurkan atas talian (online) dan dipantau terus oleh Datuk Bandar dan pengurusan tertinggi.

d) **Kriteria Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk**

Mempunyai program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) dan pelaksanaan "Program Agro Box".

### 3.3 **MBPJ CITY CLIMATE ACTION PLAN**

Isu kebersihan dan pelupusan sampah sering menjadi topik yang diperkatakan oleh masyarakat masa kini. Ini dibuktikan hasil daripada kajian tahap kepuasan rakyat Selangor ke atas PBT pada tahun 2017 yang dikendalikan oleh Merdeka Centre di mana aspek kebersihan dan pengurusan sampah merupakan cabaran kedua selepas infrastruktur yang sering menjadi perhatian penduduk negeri Selangor.

Pada tahun 2019, setiap hari Majlis mengutip hampir 600 tan sampah di seluruh Petaling Jaya dengan kos pengurusan sampah ini termasuk bayaran 'tipping' ke tapak pelupusan sebanyak RM 76,622,370.00. Sehubungan dengan itu, sasaran utama Majlis adalah untuk mengurangkan jumlah pelupusan sampah sebanyak 25% pada tahun 2030 selaras dengan 'MBPJ City Climate Action Plan'. Untuk mencapai sasaran ini, Majlis perlu mewujudkan perancangan strategik dan meneroka kaedah-kaedah baru di dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang boleh membantu MBPJ mengurangkan kos yang tinggi ini tanpa mengurangkan kualiti perkhidmatan agar Petaling Jaya sentiasa bersih, cantik dan selesa untuk di diaminya.

Pada masa kini, kaedah 3R ('reduce, reuse dan recycle') merupakan cara terbaik untuk mengurangkan jumlah penajaan sampah. Pengurusan sisa secara 'firefighting' tidak lagi sesuai dilaksanakan memandangkan kaedah ini tidak dapat menyelesaikan masalah sisa di punca. Strategi pengurusan sisa secara 3R perlu dilaksanakan di mana ia merangkumi pengurangan penggunaan sumber atau *raw material* oleh peniaga atau industri, pengurangan penajaan sampah oleh masyarakat, pelaksanaan kaedah pelupusan sampah di punca seperti pengkomposan dan kutipan sampah yang berkesan.

Slogan Sisa Itu Satu Aset (SISA) telah digunakan sebagai penggerak amalan 3R di kalangan masyarakat Petaling Jaya. Ia merupakan kempen untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap sampah yang selama ini busuk dan tidak berharga tetapi sebenarnya sampah boleh menjadi sumber produk lain dan boleh menjana pendapatan sekiranya mempunyai ilmu kitar semula.

### 3.4 **MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA MESRA ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)**

Masyarakat sentiasa mengharapkan perkhidmatan terbaik daripada pentadbiran Majlis. Walaupun terdapat kekangan dan halangan, Majlis akan sentiasa memastikan segala kemudahan infrastruktur yang ditawarkan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dan bermanfaat kepada masyarakat termasuk kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Sehingga kini terdapat beberapa perkhidmatan yang telah disediakan oleh Majlis bagi kegunaan dan kemudahan OKU di seluruh Petaling Jaya seperti berikut:

#### a) **Tempat Letak Kereta (TLK) OKU**

Berdasarkan Kajian Inventori Tempat Letak Kereta OKU di bawah seliaan MBPJ di Petaling Jaya, bilangan penyediaan TLK OKU di seluruh Petaling Jaya adalah sebanyak 245 lot yang merangkumi 0.43% daripada keseluruhan TLK di Petaling Jaya.

#### b) **Pelekat Kenderaan OKU**

Majlis telah menyediakan Pelekat Kenderaan OKU sejak tahun 2012 lagi. Penyediaan pelekat ini adalah bagi kemudahan OKU untuk menggunakan kemudahan TLK yang telah disediakan di seluruh Petaling Jaya.

Pemohonan pelekat kenderaan perlu dikemukakan ke Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan dan dokumen lengkap seperti kad OKU yang dikeluarkan oleh JKM, geran kenderaan, lesen pemandu serta gambar berukuran passport pemohon perlu disertakan perlu dikemukakan pemohon.

c) **Van Transit OKU**

Sebayak 3 buah van transit OKU disediakan oleh Majlis bagi khidmat menghantar dan mengambil OKU pada setiap hari bekerja bermula jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang. Kapasiti OKU berkerusi roda bagi setiap van adalah seramai 2-3 orang mengikut saiz 'wheelchair'. Permohonan untuk menggunakan perkhidmatan ini adalah melalui panggilan telefon ke Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan pada hari tersebut.

d) **Kemudahan Aksesibel Bercirikan Universal Design termasuk Dewan, Taman, Hub Pengangkutan (Perhentian Bas)**

Sejak tahun 2000, Majlis telah memulakan inisiatif menaiktaraf dan menyediakan kemudahan mematuhi ciri reka bentuk sejagat bagi memastikan OKU dapat sama-sama menggunakan kemudahan yang diselia oleh Majlis. Antara kemudahan yang telah dinaiktaraf dan disediakan adalah pejabat Majlis, perpustakaan, dewan, terminal dan perhentian bas, laluan pejalan kaki, taman-taman awam dan sebagainya.

e) **PJCity Bus – (bas bercirikan 'universal design' dan PJCity Bus Apps)**

Perkhidmatan PJCity Bus yang telah disediakan Majlis sejak tahun 2014 meliputi 30 buah bas diesel dan 2 buah bas elektrik. Kesemua bas percuma ini dilengkapi dengan 'ramp', ruang pengguna kerusi roda dengan tali pinggang keledar, logo OKU, 'handrail' dan setiap pemandu adalah terlatih untuk mengendalikan OKU. Bas juga ditandakan dengan 'Sticker OKU' untuk kemudahan pengguna OKU.

Sementara itu pula, 'PJ City Bus Apps' berfungsi untuk memudahkan pengguna untuk mendapatkan perkhidmatan secara lebih efisien dan sesuai digunakan untuk semua golongan termasuk OKU. Aplikasi ini sangat membantu bagi OKU penglihatan merancang perjalanan kerana ianya dibina menggunakan 'WCAG standard' yang boleh diakses oleh pengguna telefon menggunakan sistem audio.

Majlis melalui Jabatan Perancangan Pembangunan telah menyediakan dan merangka Pelan Induk Reka Bentuk Sejagat Petaling Jaya 2030 sebagai panduan pelaksanaan keperluan OKU bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Perancangan yang perlu ditambahbaik dari semasa ke semasa termasuklah akses OKU kepada Bangunan dan Infrastruktur, Taman Awam dan Rekreasi, Pengangkutan, Informasi,

Komunikasi dan Teknologi Maklumat, Perumahan dengan rekabentuk sejagat serta Polisi dan Advokasi.

Jabatan juga telah membuat Kajian Inventori TLK OKU di bawah seliaan Majlis bertujuan untuk mengenalpasti tahap penyediaan kemudahan TLK OKU diseluruh PJ, berdasarkan penemuan kajian, bilangan TLK OKU yang disediakan masih ditahap yang rendah berbanding garis panduan (keperluan TLK OKU adalah 2% daripada keseluruhan TLK) dan keadaan semasa kebanyakan TLK OKU tidak mempunyai papan tanda, akses yang tidak sempurna dan saiz tidak menepati spesifikasi garis panduan. Kajian ini akan dijadikan panduan untuk Majlis merangka strategi perancangan untuk penambahbaikan mengikut keutamaan. Majlis turut menyediakan kemudahan OKU seperti TLK OKU dan 'ramp' berdasarkan permohonan atau aduan oleh penduduk dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, Majlis memberikan tumpuan kepada projek-projek pembangunan Majlis sama ada pembinaan kemudahan, infrastruktur dan taman awam supaya mematuhi keperluan reka bentuk sejagat agar kemudahan baru dan kemudahan naik taraf mempunyai akses dan mesra OKU.

Majlis kerap menerima permohonan yang dimohon oleh OKU adalah permohonan pelekat kenderaan OKU. Sehingga kini, terdapat 974 keping pelekat telah dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan. Selain itu, permohonan bagi TLK OKU juga agak tinggi, dari 2017 sehingga 2019, terdapat 20 permohonan TLK OKU telah diproses.

### 3.5 **SMART PARKING SELANGOR**

Selaras dengan visi ke arah Smart State 2025, bagi menggalakkan lagi penggunaan Aplikasi Smart Selangor Parking oleh pengguna letak kereta, Kerajaan Negeri Selangor menerusi SSDU Innovations Sdn. Bhd. telah memperkenalkan beberapa kemudahan dan promosi kepada pengguna sistem SSP seperti berikut:-

- a) SSP kini telah boleh digunapakai untuk pembayaran parkir terbuka ('on-street parking') dan pembayaran kompaun di 7 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Selangor iaitu MBPJ, MPSJ, MPKj, MBSA, MPS, MPAJ, MPSp dan boleh juga digunakan untuk pembayaran parkir di kawasan DBKL.

- b) Sejak SSP diperkenalkan pada bulan Julai 2018, SSP kini juga boleh digunakan di parkir berpagar ('off-street parking') MBPJ di stesen LRT Paramount, Asia Jaya, Stadium Kelana Jaya dan Pusat Penjaja SS 22 Atria.
- c) Pengguna aplikasi SSP akan menikmati tawaran promosi istimewa bagi tempoh sebulan bermula 9 Julai 2019 sehingga 9 Ogos 2019 bagi setiap tambah nilai SSP seperti berikut:-
- i. RM 1 tambahan kredit akan diberikan untuk setiap pembelian kredit dari RM 50 sehingga RM 99.
  - ii. RM 3 tambahan kredit pula akan diberikan untuk setiap pembelian kredit RM 100.
  - iii. Pas bulanan juga akan mendapat tambahan kredit mengikut nilai di atas.

Ilustrasi jadual promosi kredit tambahan untuk 9 Julai 2019 sehingga 9 Ogos 2019 adalah seperti berikut:

Nilai Pembelian (RM)	Kredit Tambahan (RM)	Jumlah Kredit (RM)
50 hingga 99	1	51 hingga 100
100 hingga 199	3	103 hingga 202
200 hingga 299	6	206 hingga 305
300 hingga 399	9	309 hingga 408
400 hingga 499	12	412 hingga 511
500 hingga 599	15	515 hingga 614
600 hingga 699	18	618 hingga 717

Sistem SSP ini dilaksanakan bagi tujuan pengurusan kawalan letak kereta dan sebagai kemudahan kaedah alternatif bayaran caj letak kereta kepada pengguna awam selain menggunakan Sistem Letak Kereta Berkupon.

Melalui sistem SSP ini, pengguna boleh membuat tambah nilai ke dalam satu akaun atas talian menerusi aplikasi telefon pintar yang boleh digunakan untuk membayar caj letak kereta dan kompaun letak kereta. Pengguna letak kereta diberi pilihan untuk menggunakan 2 jenis kaedah bayaran letak kereta seperti berikut:-

Bil	Kaedah Bayaran	Keterangan
1	Pembayaran elektronik menggunakan aplikasi pada telefon pintar.	Aplikasi SSP boleh dimuat turun daripada 'Apple AppStore' dan 'Android PlayStore'. Pengguna perlu membeli tambah-nilai secara atas talian menerusi aplikasi SSP.
2	Pembayaran melalui khidmat pesanan ringkas 'SMS'.	Pengguna boleh membuat bayaran caj letak kereta melalui SMS menerusi aplikasi SSP.

Pelaksanaan sistem ini juga tidak akan melibatkan sebarang perubahan kadar caj letak kereta sepertimana yang dikuatkuasakan pada masa ini.

Pembangunan Modul sistem penguatkuasaan "Enforcement Performance Administration" (EPA) yang merupakan salah satu komponen utama Sistem Parkir & Kompaun Berintegrasi Negeri Selangor 'Smart Selangor Parking' (SSP) telah pun selesai dan sistem EPA ini sedang dalam proses pengujian di kawasan Dataran Sunway, Kota Damansara bermula 17 April 2018 bagi memastikan kelancaran aktiviti penguatkuasaan.

### 3.6 KESIHATAN DAN KEBERSIHAN DI PETALING JAYA

Jumlah kes demam denggi bagi tahun 2019 sehingga minggu epid 29 adalah sejumlah 4349 kes demam denggi telah dilaporkan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan kes sebanyak 301 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2018 dengan 1572 kes. Walaubagaimanapun, jumlah ini merupakan jumlah yang terendah berbanding 2 PBT yang lain di daerah Petaling.

Tiada kes kematian dilaporkan. Lokaliti wabak hotspot yang aktif dilaporkan sehingga minggu epid 29 (20/7/2019) di kawasan pentadbiran Majlis adalah sebanyak 29 lokaliti, manakala hotspot terkini



dilaporkan pada minggu epid 25 (21/6/2019) sebanyak 33 lokaliti wabak yang dilaporkan.

4. **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 6 TAHUN 2019 (PENGGAL 2018/2020).**

4.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 6 Tahun 2019 bagi penggal 2018/2020 bertarikh 26 Jun 2019 disahkan tanpa pindaan.

5. **LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 6 TAHUN 2019 (PENGGAL 2018/2020) YANG TELAH DIADAKAN PADA 26 JUN 2019.**

Tiada.

6. **MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.**

6.1 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 21 JUN 2019 DAN 8 JULAI 2019.**  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (47))  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (49))

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.**

6.2 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 26 JUN 2019 DAN 12 JULAI 2019.**  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 6 (93))  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 6 (95))

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan kepada minit bertarikh 12 Julai 2019 di muka surat 37 perkara ii perenggan akhir seperti berikut:-

... dan spesifikasi baru yang ditetapkan oleh MBPJ berdasarkan semakan dan kaji semula mengikut kesesuaian di mana pemaju harus menanggung kos tambahan jika ada.

**Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.**

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA  
PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 15 JULAI 2019.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 JLD. 2 (54))**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 7.3.1 dan 7.3.2 seperti berikut:-

7.3.1 Beliau memberi cadangan supaya Tasik Cova, Tasik Seksyen 5 dan Tasik Seksyen 8 dijadikan seperti Wetland.

7.3.2 Beliau juga bertanyakan berkenaan kawasan rezab hijau di tepi jalan di Sri Damansara yang kurang menarik.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.**

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN  
PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 16 JULAI 2019.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 3 (24))**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 7.10.1 di muka surat 32 iaitu:-

a) ... pusat penjaja dan membaik pulih gerai tersebut termasuk 'exhaust fan'.

b) ... kerja-kerja membaik pulih sebelum tamat notis.

6.4.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan perkara yang dibangkitkan oleh Cik Quratulain Atiqah binti Norzaharul Anuar iaitu:-

a) Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Penserkitaran diminta untuk membuat semakan ke atas garis panduan bagi pembersihan 'exhaust fan' di premis makanan untuk dibentangkan di dalam mesyuarat yang akan datang.

**Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perkhidmatan  
Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.**

**6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 16 JULAI 2019.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD. 4 (60))**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.**

**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 17 JULAI 2019.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 3 (23))**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 18 JULAI 2019.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 3 (22))**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara (3.0) 4.5 iv) perenggan akhir seperti berikut:-

Pengarah Jabatan Kejuruteraan mengesahkan bahawa lampu trafik adalah di dalam syarat kelulusan Pemaju dan mereka perlu membuat sumbangan RM130,000.00 kerana tidak dapat melaksanakannya sebelum ini. Mesyuarat juga bersetuju untuk memastikan lampu isyarat tersebut 'synchronize' dengan persimpangan lampu isyarat di Jalan 17/1.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 25 JULAI 2019.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (95))**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah, Sumber Manusia, MBPJ.**

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 23 JULAI 2019 (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/15 JLD. 2 (42))**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.**

**7. UCAPAN PENANGGUHAN**

**7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK ONG SWEE LONG**

**7.1.1 Penyelenggaraan jalan di Petaling Jaya**

Beliau memaklumkan bahawa keadaan jalan di seluruh Petaling Jaya bukan sahaja berlubang akan tetapi cara kita mengendalikan jalan tersebut terdapat masalah. Sebagai contoh, sekiranya kita melalui lebuh raya persekutuan dan memasuki jalan di Petaling Jaya terdapat perbezaan ketara yang melibatkan struktur jalan. Merujuk kepada penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu penyelenggaraan jalan raya di Negeri Selangor melalui kertas bilangan 40/2015, diantara saranan atau cadangan jawatankuasa adalah kerosakan jenis 'pothole' atau jalan berlubang perlu diselesaikan dalam masa 24 jam serta PBT perlulah melantik kontraktor bergred tinggi (Kelas A). Sehubungan dengan itu beliau berharap agar jabatan berkaitan mengkaji dan melaksanakan saranan dan cadangan jawatankuasa tersebut bagi memperbaiki jalan raya kita seterusnya dapat meningkatkan perkhidmatan majlis kepada penduduk Petaling Jaya.

7.1.2 YBhg. Datuk Pengerusi mengambil maklum perkara tersebut dan menegaskan bukan keseluruhan jalan raya di Petaling Jaya bertambah teruk akan tetapi lebih baik dari dahulu. Cuma perlu penambahbaikan dan pemantauan secara berterusan.

## 7.2 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PUAN ERMEEMARIANNA BINTI SAADON

### 7.2.1 Jalan Raya di Petaling Jaya

Beliau menyatakan hampir setiap hari terdapat kemalangan di Petaling Jaya yang melibatkan kehilangan nyawa, kecacatan kekal dan kecederaan yang disebabkan oleh keadaan jalan raya yang kurang sempurna serta berlubang. Selain itu, keadaan jalan raya yang tidak sempurna juga menyebabkan kerosakan kepada kenderaan. Sebagai contoh, di Jalan Universiti, Seksyen 51, kawasan perumahan Taman Medan, PJ Old Town dan kawasan utara adalah antara kawasan yang mempunyai jalan berlubang. Kurangnya pemantauan menyebabkan jalan berlubang dan tidak diturap dengan segera serta melibatkan kemalangan jalanraya terutama pengguna motorsikal sehingga menyebabkan kehilangan nyawa.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada `team road gang` yang menurap jalan berlubang bagi memastikan keselesaan dan keselamatan penduduk serta berharap agar masalah jalan berlubang diatasi segera bagi mengelakkan kerapnya berlaku kemalangan jalanraya.

### 7.2.2 Ucapan Tahniah

Beliau mengucapkan tahniah kepada mak angkat dan bapa angkat, atlit serta Pengarah Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan kerana selepas 20 tahun ini merupakan pertama kali MBPJ menjadi johan keseluruhan SUKANUN yang berlangsung baru-baru ini.

## 7.3 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH Y.M RAJA FAIRUZ BINTI RAJA MAZLAN

### 7.3.1 Ucapan Penghargaan

Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap pada hari ini. Beliau turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada MBPJ di atas penganugerahan penarafan lima

bintang menerusi Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan yang diadakan pada tahun lepas.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Kontijen MBPJ yang menjadi juara keseluruhan SUKANUN 2019.

Beliau turut mengimbuai kejayaan MBPJ merangkul lima anugerah sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia yang diadakan di medan Bandar Alor Star, Kedah pada tahun lepas. Antaranya MBPJ berjaya memenangi Anugerah Bandar Mampan 2017 dengan memperolehi markah tertinggi mengatasi pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) yang lain.

Segala kejayaan yang diterima adalah hasil daripada kegigihan, kecekalan dan kerjasama warga kerja MBPJ. Beliau mengucapkan penghargaan kepada YBhg. Datuk Bandar, barisan pihak pengurusan serta seluruh warga kerja MBPJ di atas kerjasama yang diberi.

### 7.3.2 Zon 18

- a) Zon 18 merupakan kawasan berkepadatan penduduk yang tinggi, pembangunan tidak teratur, kekurangan fasiliti dan kemudahan infrastruktur yang tidak mencukupi. Walaubagaimanapun hasil kerjasama jabatan-jabatan di MBPJ segala masalah yang timbul cuba diselesaikan dengan sebaiknya.
- b) Beliau mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perancangan Pembangunan yang mengusulkan pembinaan perhentian bas di Jalan Utama PJS2 berhampiran Flat Kos Rendah Desa Mentari 2, Jabatan Landskap yang membuat pembangunan landskap, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal yang menguruskan pembersihan, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan yang sering menganjurkan Program Komuniti. Setinggi terima kasih dan pujian kepada Jabatan Kesihatan yang membantu menangani masalah denggi dengan melaksanakan program turun padang, operasi pembasmian nyamuk Aedes bersama penduduk serta program gotong royong pembersihan. Program terbaru adalah operasi pemeriksaan pembiakan nyamuk Aedes dari rumah ke rumah yang dilaksanakan pada 21 Julai yang lepas memandangkan Zon 18 merupakan kawasan statistik tertinggi masalah denggi. Usaha-usaha yang dilakukan adalah tunjang

kearah mencapai matlamat SDG ke 3 : 'Good Health and Well Being' di kawasan Petaling Jaya.

- c) Kebanyakan masalah yang berlaku di Zon 18 adalah berpunca dari kurangnya kesedaran disebabkan kesempitan hidup dengan sara hidup di bawah garis kemiskinan. Bagi memenuhi hasrat MBPJ sebagai Bandar peneraju, dinamik dan lestari, Majlis perlu lebih perihatin untuk merangka bajet pada tahun-tahun akan datang bagi menyelesaikan masalah yang timbul.
- d) Bagi membantu peniaga tanpa lesen di Jalan PJS 2/1 Taman Medan, Jabatan Pelesenan telah melaksanakan Projek Perintis Usahawan Mikro. Terima kasih di atas usaha tersebut.
- e) Beliau turut menghargai usaha gigih Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pelesenan di dalam menangani isu gerai haram di Zon 18.

Namun pada masa yang sama, kita perlu memahami bahawa meniaga merupakan sumber pendapatan golongan B40 tanpa menyedari ia adalah satu jenayah sekiranya tidak mematuhi peraturan. Oleh yang demikian majlis harus merangka pelan yang lebih strategik dan tersusun agar peniaga haram dapat meneruskan perniagaan mereka tanpa melanggar peraturan dan undang-undang pelesenan MBPJ. Perancangan yang rapi terutama dari segi penyusunan semula ruang, tempat perniagaan atau infrastruktur bukan sahaja dapat membantu Bandaraya Petaling Jaya mencapai hasrat Bandar Raya Peneraju, Dinamik dan Lestari tetapi juga dapat mencapai Matlamat SDG pertama: 'No Poverty' di Petaling Jaya.


Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar kita sama-sama berusaha untuk menjadikan Petaling Jaya sebuah Bandar Raya Peneraju, Dinamik dan Lestari dan menjadi bandar raya terulung di Malaysia yang tidak meminggirkan rakyat dari semua pelbagai lapisan.

**SULIT**

Akhir sekali beliau mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun:-

Mana yang kasih dipaut,  
Mana yang benci dituang,  
Mana yang jernih dikaut,  
Mana yang keruh dibuang.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.52 pagi. YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) julung kali akan menganjurkan Ekspo Buku Petaling Jaya 2019 atau dikenali sebagai Petaling Jaya Book Expo (PJBX) 2019 yang akan berlangsung selama enam hari mulai 30 Julai hingga 4 Ogos di Dewan D'Kelana, Kompleks Sukan Kelana Jaya. Satu sidang akhbar akan diadakan selepas mesyuarat majlis. Beliau berharap agar Ahli-Ahli Majlis dapat memaklumkan kepada penduduk di zon masing-masing agar datang sepanjang pesta buku ini diadakan.

  
(JOHARY BIN ANUAR) AMS  
Setiausaha,  
b.p. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 19.8.2019

16/21



**LAMPIRAN KEHADIRAN****HADIR:**

01. YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar, D.P.M.S., S.M.S.,  
Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Tuan Johary bin Anuar, A.M.S.,  
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Encik Terence Tan Teck Seng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
04. Encik Suriase a/l Gengiah,  
Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Zamri bin Mohamad  
Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, P.J.K.,  
Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K.,  
Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Ong Swee Long,  
Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Derek John Fernandez, P.J.K.,  
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Puan Elaine Magdaline Nathaniel,  
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Wong Swee Sang,  
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Puan Ermeemarianna binti Saadon,  
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Sugumararan a/l R Annamalai,  
Ahli Majlis, MBPJ.

17/21

14. Encik Chan Pak Keung,  
Ahli Majlis, MBPJ.
15. Puan Nurainie Haziqah binti Shafi'i,  
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Y.M. Raja Fairuz binti Raja Mazlan,  
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Leong Chee Cheng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Loyis anak Uding  
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Ong Yew Thai,  
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Puan Quratulain Atiqah bt Norzahirul Anuar,  
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Tuan Sr. Thayalan a/l Krishnasamy,  
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Encik Farhan Haziq bin Mohamed,  
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Puan Pua Ghin Chu,  
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Puan Rahibah binti Che Omar,  
Ahli Majlis, MBPJ.

**TIDAK HADIR:**

01. Encik Mohamad Shakirien bin Dato' Abd. Razak, (dengan maaf)  
Ahli Majlis, MBPJ.
02. Encik Anwar bin Nekhan, (dengan maaf)  
Ahli Majlis, MBPJ.

**HADIR BERSAMA:**

01. Encik Zain Azly bin Abdul Rahman, P.J.K.,  
Wakil Timbalan Setiausaha,  
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
02. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, P.P.T.,  
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan,
03. Puan Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah, A.M.S.,  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie, A.M.S.,  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, P.P.T., M.R.I.S.M.,  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Hj. Hassan. A.I.S.,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Hj. Ariffin, P.P.T.,  
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,  
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
09. Puan Mahzura binti Mohd Amin,  
Penolong Pengarah Kanan,  
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K.,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S.,  
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,  
Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.

**SULIT**

13. Puan Norzita binti Mokhtar,  
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S.,  
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
15. Puan Haniza binti Abdul Hamid, P.P.T.,  
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
16. Puan Hjh. Norlida binti Md. Isa, P.J.K.,  
Pengarah, Unit Audit Dalam Dan Integriti, MBPJ.
17. Encik Mohd Khairulfaiz bin Hairuddin,  
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
18. Puan Tee Szu Fong,  
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
19. Puan Sr. Hajah Saliza binti Mohd Masri, M.R.I.S.M.,  
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),  
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

**TURUT HADIR:**

01. YB Tuan Halimey bin Abu Bakar,  
ADUN Seri Setia.
02. Encik Zahid bin Suffian,  
Wakil ADUN Kota Damansara.

**URUSETIA:**

01. Encik Noor Azman bin S. Ali,  
Penolong Pengarah Kanan (Pentadbiran Am),  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Haslida binti Samat,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



**SULIT**

03. Puan Sunita binti Saad,  
Pembantu Tadbir Kanan,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
  
04. Puan Nur Zaidah binti Abd. Kadir,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

21/21



**SULIT**